

## MASYARAKAT MAJMUK MEMBENTUK MALAYSIA MADANI MELALUI FILEM ANIMASI KANAK-KANAK UPIN & IPIN

Nur Awatif Binti Mohd Azahari

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: [awatifazahari@raudah.usim.edu.my](mailto:awatifazahari@raudah.usim.edu.my)

Siti Nur Aina Binti Abdul Azis

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: [aina\\_azis@raudah.usim.edu.my](mailto:aina_azis@raudah.usim.edu.my)

NurSyuhailah Sofea Binti Ahmad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: [syuhailahsofea@raudah.usim.edu.my](mailto:syuhailahsofea@raudah.usim.edu.my)

Kauthar Binti Abd Kadir

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: [kauthar@usim.edu.my](mailto:kauthar@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi peranan masyarakat majmuk dalam membentuk gagasan Malaysia Madani melalui penggunaan filem animasi kanak-kanak terutama filem "Upin & Ipin". Fokus kajian ini adalah untuk memahami bagaimana filem animasi dapat memperkuatkan kesan kepelbagaian budaya dan agama dalam masyarakat majmuk Malaysia, sambil menerapkan nilai-nilai yang memperkuatkan harmoni dan keberagamaan antara kaum. Melalui pemerhatian dan analisis terhadap beberapa episod "Upin & Ipin", kajian ini mendalamai cara-cara di mana elemen-elemen seperti plot cerita, karakter, dan pesan moral dapat membantu dalam memperkuatkukan rasa kebangsaan yang inklusif. Metodologi kajian ini melibatkan analisis mendalam terhadap konten filem animasi untuk memahami pesan dakwah dan nilai-nilai harmoni yang tersirat. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis konteks sosial dan makna yang diberikan oleh masyarakat terhadap filem animasi supaya dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang impaknya dalam membentuk identiti kebangsaan dan masyarakat Madani di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa "Upin & Ipin" berperanan penting dalam membentuk persepsi positif terhadap kepelbagaian masyarakat Malaysia dan memperkuatkukan nilai-nilai Malaysia Madani dalam kalangan kanak-kanak. Implikasi kajian ini menghasilkan kepentingan dalam menjelajahi makna dan interpretasi dalam penyelidikan sosial, serta menegaskan perlunya terus menggunakan filem animasi kanak-kanak sebagai alat pembelajaran dan pembentukan identiti kebangsaan yang lebih inklusif. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti impak jangka panjang animasi ini terhadap pembentukan identiti kebangsaan dalam kalangan remaja dan dewasa.

**Kata Kunci:** Filem Animasi, Masyarakat Majmuk, Malaysia Madani

### 1. Pengenalan

Dalam era globalisasi yang meluas, Malaysia terus berusaha untuk membina masyarakat yang bersepadu, harmoni, dan inklusif di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Satu konsep yang penting dalam usaha ini ialah "Malaysia Madani", yang menekankan kesepaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat majmuk dalam negara. Ia juga turut memfokuskan kohesi sosial, perpaduan, dan saling hormat-menghormati di kalangan pelbagai kumpulan etnik, budaya, dan agama yang membentuk masyarakat majmuk di Malaysia. Istilah "Madani" berasal dari perkataan Arab yang bermaksud "peradaban" atau "bandar" yang menandakan wawasan sebuah masyarakat yang beradab dan progresif. Konsep Malaysia Madani mengiktiraf dan menghormati kepelbagaian budaya, bahasa, dan agama yang wujud di negara ini. Ia menggalakkan idea bahawa kepelbagaian bukanlah punca kepada perpecahan malah ia merupakan kekuatan yang memperkayakan dasar sosial negara. Malaysia Madani mendorong dialog, pemahaman, dan kerjasama di antara komuniti

yang berbeza, memupuk semangat perpaduan antara satu sama lain dan identiti kebangsaan yang melampaui sempadan etnik dan agama.

Tambahan pula dalam membentuk masyarakat majmuk, Malaysia Madani berperanan sebagai prinsip panduan untuk dasar-dasar, program, dan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan inklusi sosial, kesamarataan, dan keadilan bagi semua rakyat Malaysia. Ia menegaskan bahawa kepentingan memelihara hak asasi manusia, menggalakkan dialog antara budaya, dan memerangi diskriminasi dan prasangka dalam semua bentuknya wajar untuk dipatuhi. Dalam konteks ini, filem animasi menjadi satu alat yang berkesan dalam menyampaikan mesej-mesej pembinaan masyarakat kepada generasi muda. Filem animasi "Upin & Ipin" telah menjadi tarikan filem yang menarik yang mampu meraih populariti yang besar terutamanya di kalangan kanak-kanak di Malaysia. Melalui penggunaan filem animasi ini, kita dapat melihat bagaimana Malaysia Madani direfleksikan dan dipromosikan kepada generasi muda.

Maka, kajian ini bertujuan untuk menyelidik peranan filem animasi "Upin & Ipin" dalam membentuk konsep Malaysia Madani dalam kalangan masyarakat majmuk dan mengkaji bahawa bagaimana filem animasi ini mampu memperkuuhkan nilai-nilai harmoni, toleransi, dan kepelbagaiannya budaya di kalangan kanak-kanak. Dengan menganalisis beberapa episod "Upin & Ipin", kajian ini akan meneliti tentang binaan plot cerita, karakter, dan pesan moral yang disampaikan dalam filem ini yang menyumbang kepada penghayatan nilai-nilai Malaysia Madani dalam kalangan penonton muda.

Oleh itu, filem ini memberi impak dalam membentuk persepsi dan sikap terhadap nilai-nilai Malaysia Madani supaya dapat memahami kesan positif filem animasi "Upin & Ipin" dalam membentuk identiti kebangsaan yang inklusif yang boleh membentuk negara lebih harmoni dan sejahtera di mana setiap individu dapat berkembang dan menyumbang kepada kebaikan bersama.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan masyarakat majmuk dalam membentuk gagasan Malaysia Madani melalui filem animasi kanak-kanak, iaitu Upin Ipin, dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini melibatkan analisis mendalam terhadap konten filem animasi untuk memahami pesan dakwah dan nilai-nilai harmoni yang tersirat, serta menekankan sifat subjektif dan peranan pengkaji sebagai pentafsir secara berterusan. Analisis dilakukan secara holistik untuk memaparkan elemen-elemen yang dikaji dalam persekitaran, bagi menjelaskan perspektif kajian. Fokus kajian adalah pada kesejahteraan dalam Malaysia Madani melalui filem animasi Upin Ipin, yang merujuk kepada usaha memperkuuhkan perpaduan sosial dan keharmonian di Malaysia.

Filem animasi Upin Ipin memberikan sumbangan positif dalam membentuk perpaduan sosial masyarakat di Malaysia melalui strategi utama, iaitu kesejahteraan dalam membentuk Malaysia Madani, yang ditunjangi prinsip adil dan ihsan, dan diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pembangunan berteraskan nilai-nilai kesejahteraan. Aspek kesejahteraan yang dikaji termasuk keadilan sosial, keharmonian, kemakmuran, serta kesederhanaan dalam semua aspek kehidupan, yang diterapkan dalam pelbagai medium hiburan dan pendidikan, termasuk filem animasi Upin Ipin. Setiap lapisan masyarakat seharusnya memupuk semangat kesejahteraan dalam diri masing-masing kerana teras kesejahteraan merupakan landasan penting bagi masyarakat yang berbilang kaum.



Kajian ini tertumpu kepada beberapa episod dalam animasi Upin & Ipin yang melalui watak-watak yang mempromosikan budaya masyarakat majmuk di Malaysia, menonjolkan perasaan kasih sayang dan keharmonian antara rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang etnik, serta diangkat sebagai duta mahabbah yang menggambarkan kecintaan dan persaudaraan di kalangan warganegara. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang mendalam mengenai bagaimana filem animasi Upin & Ipin menyumbang kepada pembentukan gagasan Malaysia Madani melalui penerapan nilai-nilai kesejahteraan dan keharmonian sosial.

### 3. Tinjauan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Sharul Fahiz Mat Ariff dan Maizatul Haizan Mahbob (2020) mendapati bahawa media animasi telah memberikan impak yang positif dalam kalangan kanak-kanak terutamanya dalam kemahiran komunikasi interpersonal. Hal ini berlaku kerana berlakunya peniruan pembelajaran sosial dari sudut dimensi mesej positif yang terkandung dalam media animasi sama ada secara verbal dan bukan verbal. Malah, Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015) mendapati bahawa animasi Upin & Ipin memaparkan peranan watak wanita yang positif. Cerminan watak yang positif dalam sesebuah animasi penting kerana ia menanamkan imej yang tertentu mengenai seseorang itu dalam minda kanak-kanak yang menonton.

Tambahan pula, menurut kajian Mulyadi Mahamood (2007), pengaruh dan unsur pihak luar yang cuba mencabul kedaulatan negara turut menyumbang kepada krisis Malaysia. Peristiwa yang memberi kesan negatif kepada negara termasuk zaman Darurat (1948 - 1960), konflik Indonesia (1963), dan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Peristiwa ini membawa kepada kelulusan Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 bertujuan untuk mengawal selia semua penerbitan kandungan untuk mengelakkan menangani isu sensitif seperti perkauman yang boleh menyebabkan kekeliruan dan mengancam keselamatan negara. Melalui garis panduan yang terkandung dalam undang-undang, penerbit filem dan siri animasi digalakkan menghasilkan karya yang menggambarkan unsur kerjasama, keharmonian, perpaduan dan kebajikan antara kaum Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan melalui banyak filem dan siri animasi yang memaparkan watak-watak Melayu, Cina, dan India yang bersama-sama menggerakkan jalan cerita.

Kajian oleh Rahim et al (2016) mendapati bahawa filem animasi Upin ipin menyumbang kepada pemahaman kanak-kanak Malaysia tentang budaya yang berbeza melalui penceritaan inklusif dan watak yang mewakili etnik yang berbeza. Terdapat peningkatan kajian yang memfokuskan pada penggunaan media sebagai alat untuk promosi kebersamaan budaya dan pemahaman global. Namun, masih terdapat kurangnya penelitian yang spesifik terhadap kesan jangka panjang animasi tempatan seperti Upin & Ipin dalam membina masyarakat majmuk yang harmoni di Malaysia.

Penelitian ini bertujuan untuk mengisi kesenjangan dengan meneliti secara lebih mendalam bagaimana Upin & Ipin mempengaruhi persepsi kanak-kanak tentang kebudayaan dan bagaimana hal ini menyumbang kepada konsep Malaysia Madani, di mana nilai-nilai inklusif, keadilan sosial, dan keharmonian budaya menjadi teras.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

#### 4.1 Nilai Kepercayaan dalam Perayaan yang Berbilang Kaum bagi Masyarakat Majmuk

Perayaan yang diraikan tanpa mengira latar belakang kaum dan agama berjaya meningkatkan pemahaman dan rasa hormat dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia malah ia juga merupakan kunci kepada keamanan dan keharmonian sesebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan agama justeru menjadi asas kepada pembangunan negara (Nazura Ngah, 2017). Dalam konteks ini, Upin & Ipin adalah siri animasi yang sangat popular di Malaysia dan negara-negara jiran. Ia bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga sering menyampaikan mesej-mesej moral dan sosial yang penting.

Terdapat pelbagai nilai kepercayaan yang berkaitan dengan tiga kaum utama di Malaysia iaitu, Melayu, Cina dan India yang ditekankan dalam animasi ini. Nilai kepercayaan dalam perayaan berbilang kaum merupakan elemen penting dalam animasi Upin & Ipin yang mempromosikan perpaduan sosial di Malaysia. Nilai kepercayaan yang dapat dilihat dalam ketiga-tiga episod ini ialah kepercayaan berkaitan perayaan yang disambut oleh setiap kaum di Malaysia. Di Malaysia, menurut Tan Sri Lee Lam Thye perayaan tahunan seperti Aidilfitri, Krismas, Deepavali dan Tahun Baru Cina merupakan perayaan yang dapat dimanfaatkan oleh semua kaum bagi memupuk keharmonian, keamanan dan perpaduan.

Dalam filem animasi “Upin & Ipin”, nilai kepercayaan yang ditekankan dalam filem tersebut ialah kepercayaan dalam perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Perayaan Aidilfitri dalam filem animasi Upin & Ipin menggambarkan perayaan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kegembiraan. Watak-watak utama merayakan bersama, mengunjungi rumah saudara-mara, dan bermaaf-maafan. Hal ini menunjukkan nilai kepercayaan dalam saling memaafkan dan dapat mengeratkan hubungan antara kaum.

#### 4.1.1 Kaum Melayu

Kepercayaan dalam Islam yang ditekankan dalam episod Raya Penuh Makna dapat dilihat apabila Tok Dalang telah memberi nasihat kepada Upin, Ipin, Fizi dan Ehsan tentang puasa. Sebagai contoh:

Tok Dalang: Puasa bukan saja mengajar kita menahan lapar, ia juga mengajar kita menahan nafsu. Jadi, jangan tamak.

(Raya penuh makna, 1.12)

Pada bulan Ramadan, masyarakat Melayu yang beragama Islam akan menjalani ibadah puasa selama sebulan. Seperti yang dinyatakan oleh Tok Dalang bagi umat Islam, puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi turut juga meninggalkan perkataan serta perbuatan yang keji dan dusta. Oleh itu, penting bagi setiap orang yang berpuasa untuk menjaga ibadah puasanya supaya ibadah puasa tersebut sah dan mendapat pahala.

#### 4.1.2 Kaum Cina

Bagi kepercayaan dalam perayaan Tahun Baru Cina yang ditekankan dalam episod Gong Xi Fa Cai pula dapat dilihat apabila Uncle Ah Tong telah menjelaskan apa itu nian kepada Upin&Ipin. Sebagai contoh:

Uncle Ah Tong: Ong ah, lu, lu tak tau ka? Haa, dengar ini cerita.  
Tiap-tiap musim bunga ada satu malam. Semua olang mesti takut

Ipin: kenapa?

Uncle Ah Tong: Sebab ada nian

Upin: Hah! Tadi ong, sekarang nian. Nian tu apa?

Uncle Ah Tong: Dengar dulu lah. Nian ah, satu raksasa yang suka makan budak. Macam bunuh orang lah.  
Upin: Oh! Nian takut warna merah dengan bunyi bising.  
Uncle: Betul-betul. Itu pasal Tahun Baru Cina manyak merah, manyak bising. Mesti bakar mercun, jadi itu benda-benda jahat ah, tak masuk rumah. Tak kacau orang loh.

(Gong Xi Fa Cai, 8.09-9.49)

Dalam kepercayaan kaum Cina, aktiviti bermain mercun dan memakai pakaian berwarna merah adalah untuk menghalau raksasa yang bernama Nian. Menurut cerita mitos, pada hari pertama Tahun Baru Cina seekor raksasa akan datang kemudian mengorbankan haiwan ternakan dan kanak-kanak. Satu hari, penduduk kampung ternampak Nian yang takut dengan seorang kanak-kanak memakai pakaian berwarna merah. Oleh itu, pada setiap Tahun Baru Cina mereka akan memasang tanglung berwarna merah dan memakai pakaian berwarna merah (Jessabell Soo, 2014).

#### 4.1.3 Kaum India

Perayaan Deepavali juga diberi tumpuan dalam animasi ini. Watak-watak pembuatan kolam di rumah orang India semasa Deepavali menjadi kepercayaan dalam agama India. Hal ini menunjukkan nilai kepercayaan dalam perayaan agama bagi kaum India. Sebagai contoh:

Ipin: Uncle kenapa buat kolam. Depan pintu pulak tu  
Uncle Muthu: Biasalah. Kolam dibuat depan pintu.  
Ia tanda selamat dan rahmat supaya semua isi rumah mendapat kesejahteraan.

(Pesta Cahaya, 15.26)

Dalam kepercayaan kaum India, kolam dihasilkan untuk memberi makanan kepada burung dan serangga yang berada di sekitar rumah. Agama Hindu mengalakkan pengikutnya untuk berbuat kebajikan kepada semua termasuklah haiwan. Kolam juga membawa kesejahteraan, kekayaan dan juga kemakmuran menurut kaum India (Nizha Perlaswamy, 2018).

Oleh yang demikian, dalam konteks filem animasi Upin & Ipin bukan sahaja menghiburkan, malah ia juga memainkan peranan dalam memupuk kesedaran tentang kepercayaan kepelbagaian budaya kepada masyarakat Malaysia bagi membentuk perpaduan di kalangan generasi muda.

### 4.2 Nilai Keharmonian Dalam Masyarakat Majmuk

Selain itu, animasi Upin & Ipin turut mengambil kira nilai-nilai pendidikan seperti menghormati warga tua, kepelbagaian budaya, dan semangat setia kawan berbilang kaum. Siri animasi itu kerap menekankan dua hubungan asas yang diajar dalam Islam iaitu hubungan antara manusia dengan Tuhan, dan hubungan antara manusia dan manusia. Komuniti yang hidup di bumi ini mesti menghormati antara satu sama lain (Mazarul Hasan et al, 2019).

Melalui kisah-kisah yang disampaikan, filem animasi ini bukan sahaja menghiburkan kanak-kanak, tetapi juga mengajar mereka untuk menghormati orang lain, memahami dan menghargai kepelbagaian budaya, dan mengukuhkan semangat perpaduan dan kesetiaan di kalangan rakan-rakan tanpa mengira latar belakang etnik. Hal ini selaras dengan konsep Madani Malaysia yang menekankan nilai inklusif, keadilan sosial dan keharmonian budaya sebagai teras pembinaan masyarakat sejahtera dan bersatu padu.

#### 4.2.1 Menghormati warga tua

Menghormati warga tua adalah satu nilai yang sangat penting yang perlu diamalkan. Upin & Ipin, dua watak utama dalam siri animasi popular di Malaysia, kerap kali memaparkan adab dan nilai-nilai murni ini melalui tindakan mereka. Dalam episod-episod tertentu, penonton dapat melihat bagaimana mereka berinteraksi dengan orang tua dengan penuh rasa hormat dan kasih sayang. Sebagai contoh:

Ipin: Opah, Opah. Kita orang ikut uncle ye?

Upin: Boleh Opah?

Opah: Pergilah. Baik-baik. Jangan nakal.

(Pesta Cahaya, 8:00)

Kak Ros: Atuk nak makan apa?

Tok Dalang: Apa-apa pun boleh. Atuk tak kisah.

Ipin: Eh! Kenapa atuk sedih.

Tok Dalang: Ya lah. Lepas ni atuk nak makan dengan siapa?

Ipin: Atuk jangan sedih

Upin: Dengan kitaorang la

Ipin: Datang je. Boleh kan Opah?

(Raya Penuh Makna, 11:27)

Daripada contoh-contoh ini, jelaslah bahawa betapa pentingnya menghormati orang tua sebagaimana yang dilakukan oleh Upin & Ipin meminta kebenaran Opah untuk mengikut Uncle Muthu. Tambahan pula, dalam episod Raya Penuh Makna, Tok Dalang sedih kerana terpaksa menyambut hari raya seorang diri pada tahun itu kerana anak dan cucunya tidak dapat pulang ke kampung. Maka, Upin & Ipin memujuk Tok Dalang dengan menjemputnya beraya di rumah mereka. Dalam agama Islam sangat mementingkan adab ketika berkomunikasi sesama insan, baik yang beragama Islam mahupun yang bukan Islam. Bukan sahaja seorang individu mesti menghormati ibu dan bapanya, tetapi dia juga harus menghormati orang yang lebih tua daripadanya, walaupun mereka berlainan darah atau keturunan (Muhammad Mushfique, 2019).

#### 4.2.2 Meraikan Kepelbagai Budaya

Seterusnya, nilai meraikan kepelbagai budaya juga tercermin melalui kesediaan watak-watak Upin & Ipin untuk bersama-sama merayakan perayaan Aidilfitri, Deepavali, dan Tahun Baru Cina. Dengan semangat yang sama, mereka terlibat dalam setiap perayaan dengan penuh semangat, menunjukkan bahwa keberagaman budaya bukanlah suatu hal yang asing atau dihindari, tetapi sesuatu yang dirayakan dan dinikmati bersama-sama. Sebagai contoh:

Tok Dalang: Assalamualaikum.

Opah (Uda): Walaikumussalam! Ha sampai pun. Duduk,duduk.

Uncle Ah Tong: Uda, Selamat Hari Raya.

Uncle Muthu: Selamat Hari Raya Uda!

Tok Dalang: Banyak kau buat kuih Uda?

(Upin & Ipin Hari Raya, 0:55)

(Telefon berdering)

Ehsan: Esok korang pergi beraya rumah Mei Mei tak?

Upin: Mestilah, tak sabar ni.

Ipin: Betul, betul, betul!

Ehsan: Oh, tak sabar nak pakai baju raya Cina!

(Gong Xi Fa Cai, 13:26)

Uncle Muthu: Hari Deepavali datang la rumah uncle.

Ajak kawan-kawan semua. Nanti boleh makan banyak-banyak. Ada Muruku, ada Halwa, ada roti canai, capati, ada banyak lagi!

Upin: Ha? Banyaknya makanan.

Uncle Muthu: Mestilah, namapun Deepavali Valthukkal!

(Pesta Cahaya, 3:40)

Melalui episod "Upin & Ipin Hari Raya" menggambarkan pentingnya keharmonian dalam masyarakat majmuk melalui interaksi antara tokoh-tokoh seperti Tok Dalang, Opah (Uda), Uncle Ah Tong, dan Uncle Muthu. Dalam episod tersebut, penonton diperkenalkan pada sikap-sikap seperti penghormatan, keramahan, dan toleransi antara berbagai kelompok etnik dan budaya. Opah (Uda) menunjukkan sikap keramahan yang mengajarkan tentang pentingnya persahabatan antara anggota masyarakat.

Dalam episod Gong Xi Fa Cai, kita dapat melihat nilai meraikan kepelbagaian budaya melalui tindakan Ehsan yang menelefon Upin & Ipin dengan kegembiraan untuk merayakan Tahun Baru Cina. Ketika Ehsan menyatakan keterujaannya untuk memakai baju raya Tahun Baru Cina, hal ini menunjukkan penghargaannya terhadap kebudayaan Cina. Pilihan Ehsan untuk memakai 'samfoo' yang berwarna emas juga mencerminkan penghargaan dan rasa hormatnya terhadap kepercayaan dan tradisi bangsa Cina. Tindakan ini memberi contoh positif tentang bagaimana kita seharusnya merayakan kepelbagaian budaya dan menghormati kepercayaan agama orang lain.

Selain itu, dalam dialog antara Uncle Muthu serta Upin & Ipin, nilai-nilai penting untuk memperkuat keharmonian dalam masyarakat majmuk disampaikan dengan jelas. Tindakan Uncle Muthu mengundang Upin, Ipin, dan teman-teman mereka untuk merayakan Deepavali di rumahnya telah menunjukkan keramahan dan persaudaraan etnik dan agama. Reaksi terbuka dan toleransi antara mereka atas keberagaman makanan yang disediakan untuk perayaan Deepavali menegaskan pentingnya untuk menghormati keberagaman budaya dalam masyarakat majmuk.

#### 4.2.3 Semangat Setia Kawan Berbilang Kaum

Di samping itu, nilai semangat setia kawan tanpa mengira kaum terbukti dalam watak-watak animasi ini. Filem animasi Upin & Ipin adalah satu usaha yang sangat baik untuk menyemai semangat perpaduan di Malaysia. Hal ini kerana kanak-kanak dapat melihat keadaan kehidupan masyarakat pelbagai etnik yang telah lama wujud di persekitaran mereka (Muhamad Syahman Mahdi et al., 2021). Upin, Ipin dan rakan-rakan mereka mempunyai hubungan yang rapat walaupun berbeza kaum, bangsa dan kepercayaan. Sebagai contoh:

(Telefon berdering)



Ehsan: Kawan-kawan. Susanti

Mei Mei: Mana-mana

Susanti: Hello

Mei Mei: Hai

Jarjit: Hai

Fizi: Buat apa tu?

Susanti: Selamat lebaran semua. Aku senang sangat menyambut lebaran sama kakek dan semua saudara-saudara di sini.

Mei Mei: Susanti, jangan lupa balik.

(Raya Penuh Makna, 19.24)

Dalam episod "Raya Penuh Makna", Susanti pulang ke kampungnya di Indonesia untuk menyambut Aidilfitri bersama keluarga. Mereka membuat panggilan video untuk menyambut Aidilfitri bersama Susanti walaupun berjauhan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan semangat setia kawan yang tinggi antara mereka apabila mereka tidak lupa untuk berhubung dan bersama-sama meraikan Hari Raya walaupun secara maya.

Upin: Inilah namanya kolam kawan-kawan

Mei Mei: Betul-betul saya suka, saya suka

Susanti: Asikkk

Ipin: Betul-betul

(Pesta Cahaya, 7.06)

Dalam episod Pesta Cahaya, Upin dan Ipin bersama Dewi, Mei Mei, dan Susanti bersama-sama mengatasi gangguan seekor ayam jantan yang bernama Rembo untuk membuat kolam di atas pondok. Dengan kerjasama dan bantuan satu sama lain, mereka berhasil menyelesaikan kolam tersebut. Hasilnya, kolam yang mereka buat memiliki gambar wajah mereka berlima dan diberi nama "kolam kawan-kawan". Tindakan mereka saling membantu dan bekerja sama meskipun berasal dari latar belakang yang berbeza adalah contoh sikap yang patut diteladani, terutama bagi para penonton, khususnya anak-anak. Meskipun mereka memiliki perbezaan, mereka tidak kekok dan bahagia bermain bersama-sama, dan ini menunjukkan keindahan kerjasama dan persahabatan walaupun berbeza kaum.

#### **4.3 Nilai Perpaduan Melalui Bahasa Dalam Masyarakat Majmuk**

Filem animasi Upin & Ipin tidak hanya menjadi sumber hiburan yang popular di Malaysia malah ia juga memainkan peranan penting dan menyentuh peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Penggunaan bahasa yang merangkumi pelbagai dialek dan loghat yang mencerminkan kepelbagaiannya di Malaysia telah membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa penting untuk dikuasai. Ia telah termaktub dalam perkara 152 bahawa perlombagaan Malaysia memperuntukkan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini ialah Bahasa Melayu.

Di samping itu, Bahasa Melayu juga turut melambangkan kesantunannya dengan peningkatan ilmu dan kepenggunaannya boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada kesantunan bahasa yang mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai berbahasa seperti bersifat budi bahasa, beradab dan memiliki nilai-nilai murni untuk diterapkan dalam kehidupan rakyat yang berbilang bangsa dengan

menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam kehidupan mereka. Dengan penggunaan Bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa pengantar antara kaum untuk berkomunikasi antara satu sama lain, ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan baik.

Daripada keseluruhan cerita dalam siri animasi Upin & Ipin telah menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami semasa berinteraksi bagi menggambarkan kepada khalayak ramai bahawa bahasa kebangsaan ini boleh diterima oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia walaupun dari pelbagai latar belakang bahasa. Namun semangat untuk bertutur dalam bahasa Melayu itu harus dipuji kerana secara tidak langsung ia akan menarik minat kaum lain untuk menonton siri animasi Upin & Ipin ini bagi mendalami lagi etika dan nilai-nilai murni yang ada pada masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini juga menggambarkan kesediaan untuk menerima dan memahami perbezaan bahasa sebagai sebahagian daripada kepelbagaian yang memperkuatkan perpaduan dalam masyarakat. Dalam episod ini, kita boleh lihat watak-watak yang memainkan peranan dalam menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi. Sebagai contoh:

Uncle Ah Tong: Ini Chun Lian punya orang cina kasi tampal dekat pintu banyak “ong” oo

Ipin: Haish ( dalam keadaan mengeluh)

“ong” lagi.. “ong” tu apa?

Uncle Ah Tong: Ooooo “ong” aaa? Lu tak tahu aaa?

Aaaaaaa haaaa (sambil berfikir)

Upin & Ipin: (menggeleng kepala tanda tidak tahu)

Uncle Ah Tong: Tahun baru Cina, lu pakai baju merah, lu punya rumah manyak warna merah, kasi gantung ini Chun Lian, lu manyak nasib baik, banyak “ong” ooo.

Upin & Ipin: Ooo faham...

(Gong Xi Fa Cai 7.40 & 10.08)

Dalam episod ini, penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi iaitu bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantaraan yang memudahkan komunikasi antara kaum. Sebagai contoh, walaupun Uncle Ah Tong adalah dari bangsa Cina dan bertutur dalam bahasa Cina, malah beliau menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi medium yang menyatukan untuk berkomunikasi dengan Upin & Ipin yang menunjukkan rasa hormat dalam bahasa yang difahami bersama. Hal ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat majmuk, setiap masyarakat boleh belajar daripada kepelbagaian bahasa untuk memahami dan menghargai nilai-nilai moral yang berbeza.

Selain itu, perbualan antara Uncle Ah Tong dan Upin Ipin telah menunjukkan interaksi yang mesra dan harmonis antara kaum dengan menerangkan maksud "ong" dan tradisi Chun Lian dalam budaya Cina. Dengan mendengar penjelasan Uncle Ah Tong dan memahami maksud "ong" dalam tradisi Cina, Upin & Ipin menunjukkan penghormatan dan penghargaan terhadap kebudayaan kaum lain. Hal ini menggambarkan nilai perpaduan dan saling menghargai dalam masyarakat majmuk.

Oleh hal yang demikian, episod ini tidak hanya menyampaikan mesej moral yang penting malah menunjukkan bagaimana kepelbagaian bahasa dalam masyarakat majmuk dapat digunakan untuk memperkuatkan perpaduan, keharmonian, kefahaman dan toleransi antara pelbagai latar belakang budaya dan agama dengan hormat menghormati dalam masyarakat majmuk.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengkaji peranan animasi Upin & Ipin dalam memupuk nilai-nilai Malaysia Madani di kalangan kanak-kanak. Melalui analisis episod-episod tertentu, telah terbukti bahawa animasi ini berjaya menyampaikan mesej-mesej perpaduan, keharmonian, dan kepelbagaian budaya kepada penonton terutamanya kanak-kanak. Filem animasi ini bukan sahaja menghiburkan, malah ia juga mendidik, memberikan contoh-contoh yang baik tentang kerjasama, kasih sayang, dan saling hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.

Animasi ini memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai perpaduan, keharmonian, dan kepelbagaian budaya, yang merupakan asas kepada pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni. Kajian ini juga menekankan pentingnya penggunaan media sebagai alat pendidikan dan menyeru kepada lebih banyak kajian untuk memahami kesan jangka panjang animasi tempatan dalam membina masyarakat yang harmoni dan bersepadu.

Kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat, khususnya kanak-kanak dan orang dewasa, untuk terus mengamalkan dan menerapkan konsep Malaysia Madani dalam kehidupan mereka melalui filem animasi seperti Upin & Ipin. Dengan mempromosikan konsep Malaysia Madani, filem animasi ini membantu memperkuatkannya strategi perpaduan nasional yang mampu menyatupadukan rakyat dalam menghadapi pelbagai cabaran politik dan sosial masa kini.

Berdasarkan prinsip Malaysia Madani sebagai hala tuju kemakmuran negara, setiap lapisan masyarakat akan merasai nilai perpaduan yang lebih baik. Semua rakyat harus memperjuangkan dan mempertahankan nilai-nilai perpaduan dan keharmonian yang ditonjolkan dalam animasi Upin & Ipin demi mencapai perpaduan nasional yang kukuh dan inklusif dalam jiwa dan diri masyarakat Malaysia.

## 6. Rujukan

- Jessabell Soo. (2014). Dulu dan kini Sambutan Tahun Baru Cina. Capaian pada 3 Ogos 2021 daripada <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/dulu-dan-kini-sambutan-tahun-barucina-29017>.
- Mazarul Hasan, Norazimah Zakaria & Norazilawati Abdullah. (2019). Nilai pendidikan dalam bahan pengajaran multimedia kartun animasi Upin dan Ipin untuk murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*. 2(4), hal. 12-23.
- Muhammad Mushfique Ahmad Ayoup. (2019). Irsyad Al-Hadith Siri ke-433: Balasan memuliakan orang tua. Capaian pada 3 Ogos 2021 daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/3786-irsyad-al-hadith-siri-ke-433-balasan-memuliakan-orang-tua>.
- Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob. (2020). Impak media animasi terhadap kemahiran interpersonal kanak-kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*. 4(4), 1-11.
- Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2021). Strategi pemantapan perpaduan menerusi animasi Upin dan Ipin. *Malaysia Journal of Society and Space*. 17(2), hal. 366-374.
- Nazura Ngah. (2017). Sambutan perayaan berbilang kaum, agama kunci negara aman. Capaian pada 2 Ogos 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/01/240 525/sambutan-perayaan-berbilang-kaum-agama-kunci-negara-aman>.

- Nizha Perlaswamy. (2018). 5 perkara menarik mengenai ‘kolam’ yang ramai tak tahu. Capaian pada 3 Ogos 2021 daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/11/02/5-perkara-menarik-mengenai-kolam-yang-ramai-tak-tahu/>
- Tan Sri Lee Lam Thye. (2017). Terap perpaduan, galak anak bergaul pelbagai kaum. Capaian pada 2 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/02/252640/terap-perpaduan-galak-anak-bergaul-pelbagai-kaum>
- Tan Sri Lee Lam Thye. (2018). Memupuk perpaduan dan patriotisme. Capaian pada 3 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2018/09/469640/memupuk-semangat-perpaduan-dan-patriosme>
- Tan Sri Lee Lam Thye. (2017). Sambutan perayaan berbilang kaum, agama kunci negara aman. Capaian pada 3 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/01/240525/sambutan-perayaan-berbilang-kaum-agama-kunci-negara-aman>
- Tan Su Lin. (2014). Adat resam dan pantang larang Tahun Baru Cina. Capaian pada 3 Ogos 2021 daripada <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/adat-resam-dan-pantang-larang-tahun-baru-cina-29179>